

Headline **233 bakal pengantin hidap HIV**
Date **21. Jun 2009** Language **MALAY**
Media Title **Kosmo Ahad** Page No **6**
Section **Semasa** Article Size **52** cm2
Circulation **109892** Frequency **Daily**
Readership **269000** Color **Black/White**
AdValue



233 bakal pengantin hidap HIV

KOTA BHARU - Seramai 233 bakal pengantin di negeri ini disahkan menghidap penyakit HIV/AIDS sepanjang tahun lalu.

Ketua Penolong Pengarah (Kesihatan Keluarga), Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan, Dr. Hasbullah Abdul Rahman berkata, mereka dikesan daripada 172,067 orang yang menyertai ujian saringan praperkahwinan.

Bagaimanapun, seramai 12 orang bakal

pengantin yang disahkan dijangkiti penyakit itu meneruskan rancangan mereka untuk berkahwin.

Katanya, bakal pengantin itu didakwa enggan menerima nasihat pihak berkuasa untuk mengelakkan pasangan mereka turut dijangkiti penyakit tersebut.

"Golongan itu diingatkan supaya menggunakan kondom ketika melakukan hubungan seks bagi mengelakkan virus pe-

nyakit tersebut merebak kepada pasangan masing-masing," katanya.

Dr. Hasbullah berkata demikian semasa berucap merasmikan Hari Memperingati AIDS Sedunia Peringkat Pantai Timur di sini semalam.

Turut hadir ialah Presiden Persatuan Perantaraan Pesakit-pesakit Kelantan (Sahabat), Datuk Zaman Khan.

Dr. Hasbullah memberitahu, seramai 29

daripada 14,217 orang yang ingin berkahwin kali kedua disahkan menghidap penyakit tersebut.

Tambahnya, hanya seorang daripada 29 orang itu ingin meneruskan rancangannya untuk berkahwin.

Dalam ucapannya, beliau juga berkata, lebih 75 peratus daripada kalangan wanita yang dijangkiti virus HIV/AIDS memperolehnya daripada hubungan seks.